

KENALI BAHAN AUDIOVISUAL KOMUNITI

Bahan audiovisual terdiri daripada gambar foto, imej bergerak dan/ atau bunyi yang dirakamkan di dalam filem, pita magnetik, cakera atau lain-lain medium yang digunakan pada masa ini dan akan datang.


Bahan audiovisual juga merupakan sumber bahan yang dapat membantu melengkap dan mengisi jurang maklumat mengenai sejarah negara.



Pemeliharaan Koleksi Audiovisual Komuniti

Meningkatkan kesedaran serta menghargai bahan audiovisual sebagai memori dan warisan khazanah komuniti yang bernilai.


1



Gambar Foto

- Gunakan sarung tangan semasa memegang gambar dan negatif. Kesan cap jari boleh mengakibatkan kotoran kekal.
- Elakkan gambar dari pancaran cahaya (lampu/ matahari).
- Keluarkan gambar-gambar dalam album dan simpan gambar dalam sampul surat atau kotak.
- Elakkan gambar dilaminasi (laminated).
- Simpan gambar pada suhu rendah.


2



Video (VHS, Mini DV)

- Elak menyentuh pita dengan tangan.
- Simpan dalam keadaan digulung penuh dan menegak.
- Jauhkan dari daya magnet dan peralatan elektrik.
- Labelkan pita dengan keterangan bahan menggunakan pelekat label berkualiti supaya maklumat kekal lama.

3



Audio

- Membuat semakan fizikal kepada bahan audio dengan kaedah mengangin dan memutar semula pita (tape rewinding).
- Bahan disimpan di dalam cassette casing, video tape casing, sarung piring hitam dan open reel casing.

4




Filem

- Gunakan sarung tangan semasa mengendalikan filem dan elakkan memegang dengan tangan.
- Bahan filem disimpan dalam kotak kadkod atau bekas logam/ plastik. Elak simpan dalam beg plastik.
- Simpan dalam keadaan suhu dan kelembapan cahaya yang rendah.

Suhu Dan Kelembapan Penyimpanan Bahan Audiovisual

35%RH
+/-5



<18°C
+/-2°C

Media Fotografi (Hitam putih)

- Filem Wayang
- *Sheet Film*
- *X-rays*
- *Microform*
- *Glass Plate Photos*

Media Magnetik

- Pita & Cakera Komputer
- Pita & Video
- Pita Audio
- Cakera Optik

Media Optik

- Cakera Padat/ Cakera Mini
- Cakera Laser

<5°C

Media Fotografi (Warna)

- Filem Wayang
- *Sheets Film*

Penyediaan Kapsyen Bahan Audiovisual Komuniti

Kaedah penulisan kapsyen atau deskripsi bagi bahan audiovisual meliputi 6 perkara utama seperti berikut :

- Tajuk
- Peristiwa
- Tarikh
- Di mana
- Siapa
- Jenis bahan dan media



1. Contoh penyediaan kapsyen bagi :

Bahan : Gambar

Media : Fizikal

Tajuk/ Program :

Keberangkatan Duli Yang Amat Mulia Raja Dihilir Perak Darul Ridzuan, Raja Iskandar Dzurkarnain Ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah ke Arkib Negara Malaysia pada 27 Februari 2024

Deskripsi gambar (G1/10) :

Duli Yang Amat Mulia Raja Dihilir Perak Darul Ridzuan Raja Iskandar Dzurkarnain Ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah, berkenan melihat hasil semakan kondisi bahan audiovisual koleksi Tuanku dan diperhatikan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Dato' Jaafar Sidek bin Haji Abdul Rahman serta komposer terkenal YBhg. Datuk S. Atan.





2. Contoh penyediaan kapsyen bagi :

Bahan : Video

Media : VHS

Tajuk/ Program :

Majlis Perasmian Pameran Watikah Pemasyhuran Kemerdekaan Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014

Tarikh : 24 November 2014 (Isnin)

Masa : 2.30 - 4.15 Petang

Tempat : Pekarangan Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur

Orang Penting:

- i. YBhg. Dato Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz (Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia)
- ii. YBhg. Encik Azemi bin Abdul Aziz (Ketua Pengarah, Arkib Negara Malaysia)

3. Contoh penyediaan kapsyen :

Bahan : Audio

Media : Kaset



Tajuk/ Program :

Wawancara Sejarah Lisan : Puan Rahmah binti Sulaiman - PKM di Temerloh, Pahang.
Tahun diliputi : 1940an - 2005.

Deskripsi :

Audio dirakamkan pada 19/07/2005.

Tokoh wawancara : Puan Rahmah binti Sulaiman, bekas ahli Parti Komunis Malaya (PKM).

Latar belakang penglibatan beliau dalam Parti Komunis Malaya (PKM), desakan dan ancaman yang dilalui hingga membawa kepada penyertaan sebagai ahli PKM, tugas yang dilaksanakan dalam PKM, suasana pahit maung kehidupan dalam PKM, bahaya yang dihadapi, usaha-usaha untuk keluar dari PKM, menyerah diri dan proses kehidupan selepas menyerah diri.